

BERITA HARIAN

DATE: 18 / 12 / 2007

Pemimpin perlu faham generasi muda

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pemimpin belia memahami keadaan dan keperluan generasi muda masa kini supaya program meningkatkan potensi menerusi pelbagai mekanisme dilaksanakan selaras peredaran zaman.

Perdana Menteri berkata, banyak keperluan generasi muda sekarang berubah, termasuk aspek penguasaan ilmu dan kemahiran tinggi yang mampu meningkatkan pencapaian hidup.

"Pemimpin belia hari ini mesti fahami keadaan pada hari ini. Selain itu, pegawai kerajaan yang diberi tugas menjadi ketua (belia) atau ahli jawatankuasa belia mesti memahaminya.


"Kita tidak boleh fikir belia dan masalah seperti zaman 30 tahun dulu," katanya pada majlis penyerahan surat pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Belia (JKB) Selangor di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat negeri, Datuk Abdul Rahman Palil.

Penubuhan JKB Selangor adalah usaha kerajaan negeri bagi memantap serta memperkukuhkan institusi belia negeri itu.

Sebanyak 455 JKB akan ditubuhkan pada peringkat kampung merangkumi kampung baru, kampung tersusun dan perkampungan tepi pantai.

Sebagai jentera pelaksana kerajaan negeri, JKB membantu melaksanakan dasar pembangunan belia pada peringkat akar umbi serta memberi ruang kepada mereka terbabit secara proaktif membangunkan komuniti dan masyarakat setempat.



POTENSI BESAR: Abdullah melihat produk keli salai sambil diperhatikan Jeanne, Khir Toyo dan Chef Mustaffa Ibrahim (kiri) selepas merasmikan kilang keli salai Mais Food di Kuala Selangor, semalam.

“Rancangan atau program ada hubung kait golongan belia mestilah yang boleh membangunkan mereka”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Abdullah berkata, rakyat Malaysia boleh dianggap berada pada peringkat usia muda populasi kumpulan itu besar.

"Ini suatu kebaikan kepada kita kerana pemuda bererti mereka yang mempunyai aspirasi muda, idealisme dan ada kesungguhan serta tenaga yang boleh menjayakan sesuatu," katanya.

Abdullah berkata, sebarang rancangan atau program yang ada hubung kait golongan belia mestilah sesuatu yang boleh membangunkan mereka.

"Kemahiran pemimpin ini bukan sesuatu yang kita boleh ambil dan

buat sesuka hati. Kita pandai bercakap... kita cakap, kita pandai buat, kita buat... tetapi tidak begitu.

"Pemimpin mestilah mereka yang ada kebolehan dan kemahiran untuk membimbing, tahu pelbagai aspek kepemimpinan. Sebab itu kita beri kursus kepemimpinan dan kemahiran dalam semua bidang teknikal," katanya.

Sementara itu, Abdullah menyarankan belia bekerja sendiri kerana ia memberi lebih banyak pendapatan.

"Jika bekerja sendiri, belia adalah majikan dan dapat memberi pekerjaan kepada orang lain," katanya.